

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 - 6/1/1Jld 2(7)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 07 TAHUN 2015**

Tarikh : 29 Julai 2015 (Rabu)
Masa : 10.00 pagi hingga 11.45 pagi
**Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2,
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan
Yang Dipertua MPSJ | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid
Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 5. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 6. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 7. | Encik Loka Ng Sai Kai | - | " |
| 8. | Encik Michael Noel Jalleh | - | " |
| 9. | Encik Yap Kok Weng | - | " |
| 10. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 11. | Ir. Izham bin Hashim | - | " |

- | | | | |
|-----|---|---|---|
| 12. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 13. | Puan Norzaihan binti Ismail | - | " |
| 14. | Encik Jaber bin Ami | - | " |
| 15. | Puan Sharmazira binti Md Sharif | - | " |
| 16. | Dr. Mahendran a/l V Markandoo | - | " |
| 17. | Encik Tan Pang Yeow | - | " |
| 18. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli | - | " |
| 19. | Puan Kavitha a/p Chandragesan | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|--|---|-------------|
| 1. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |
| 3. | Encik Wan Hock Leong | - | " |
| 4. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy | - | " |
| 5. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | " |

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Hamizun binti Mohd Basar
Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
3. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
4. Encik Ismail bin Muhamad
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
5. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
6. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
7. Puan Anita binti Abd. Jalil
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
8. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman
Pengarah, Jabatan Hasil
9. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin
Pengarah, Jabatan Kesihatan
10. Puan Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
11. Ir. Mohd Ariffuddin bin Hj Kamari
Pengarah, Jabatan Bangunan
12. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Pengarah, Jabatan Pelesenan
13. Encik Fadzli bin Zubi
Pengarah, Jabatan OSC

14. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Pegawai Integriti, Unit Integriti
15. Puan Noraziah binti Ali
Pengarah, Bahagian Audit Dalam
16. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
17. Puan Satinah binti Safirol
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan COB
18. Encik Samzol bin Saat
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Teknologi Maklumat
19. Mejar Mohd Rasip bin Rasul (Bersara)
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
20. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
21. Puan Aida binti Omar
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
22. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
23. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
24. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
25. Encik Mohd Hafiz bin Sharif
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
26. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
27. Cik Hasnor Salwa binti Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

28. Encik Mohd Haizi bin Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
29. Puan Nor Shahela binti Amzah
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan
30. Encik Saipudin bin Sulaiman
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
31. Encik Samsudin bin Ayob
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
32. Puan Rosmawati binti Zainuddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
33. Puan Sadzliawaty binti Mohamad Dom
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
34. Encik Mohd Syazwan bin Kamaruddin
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
35. Encik Nazri Faiz bin Zainal
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan
36. Puan Jaswani Nazmi binti Jamaluddin
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan
37. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
38. Puan Siti Kartina binti Juhari
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
39. Cik Adibah binti Abdullah
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
40. Puan Nadia binti Abu Baharin
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
41. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan

42. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
43. Puan Noraini binti Nazaruddin
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
44. Puan Zalmah binti Yahya
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
45. Puan Azizah binti Idris
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
46. Puan Nur Maini binti Ariffin
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
47. Puan Azian binti Ropie
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
48. Puan Marhaini binti Mohd Sukaime
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
49. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
50. Puan Mimi Zareena binti Md Nor
Penolong Pengarah, Jabatan OSC
51. Dr. Muhammad Khairin bin Zamauri
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
52. Puan Mazlina binti Mustafa
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
53. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
54. Puan Nor Najihah binti Sukor
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
55. Encik Mohamad Junus bin Baharom
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik

56. Encik Mohd Nor Affandi bin Isa
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
57. Puan Zaiyanazareht binti Zaini
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
58. Puan Intan Rozlina Hani binti Rasim
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
59. Encik Muhammad Iskandar Z bin Azmi
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
60. Encik Muhammad Aliff bin Abd Rani
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
61. Encik Muhsin bin Izhar Hisham
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
62. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti
63. Encik Mohd Fikri bin Misro
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
64. Encik Mohd Redzuan bin Abdul Jamal
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

URUSETIA

1. Encik Salmi bin Mat Saad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Isham bin Abu Kassim
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Faizah binti Mazenan
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

1.0 DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 UCAPAN PENGERUSI

YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 07/2015 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara:

2.1 KEJOHANAN SCRABBLE MPSJ 2015

Kejohanan Scrabble MPSJ 2015 ini merupakan program kerjasama diantara Kompleks 3C MPSJ dan Subang Jaya Community Sports Club (SJCSC) dan kali kedua ia diadakan. Pada tahun lepas, seramai 120 orang peserta berumur dari 7 tahun sehingga 60 tahun telah menyertai kejohanan ini.

Penganjuran program ini secara tidak langsung dapat memperkenalkan dan mempromosikan kepada komuniti setempat dan luar MPSJ mengenai program dan aktiviti yang dijalankan di Kompleks 3C MPSJ. Ia juga menyediakan platform kepada komuniti untuk bersaing secara sihat dalam aktiviti sukan dan riadah. Kejohanan Scrabble MPSJ 2015 akan diadakan pada:

Tarikh : **08 Ogos 2015 (Sabtu)**
Masa : **8.30 pagi – 6.30 petang**
Lokasi : **Dewan Tuah, Kompleks 3C MPSJ**

Penyertaan:

Sasaran penyertaan adalah seramai 140 orang pemain scrabble peringkat terbuka dari seluruh Malaysia. Sebanyak 3 kategori diadakan pada kejohanan kali ini iaitu; *terbuka, intermediate dan beginner*.

2.2 KARNIVAL SUKAN MPSJ BANDAR BUKIT PUCHONG 2015

Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan Program Karnival Sukan MPSJ Di Bandar Bukit Puchong sempena pembukaan Padang Awam MPSJ, Bandar Bukit Puchong, Puchong, Selangor Darul Ehsan. Karnival sukan ini akan melibatkan Ahli Majlis Zon 17 serta Pengerusi PeBT Zon 17.

Penganjuran program ini bertujuan untuk memperkenalkan salah satu kemudahan sukan dan riadah yang disediakan oleh pihak Majlis kepada penduduk, golongan belia dan remaja setempat bagi menjalankan aktiviti sukan dan riadah. Karnival Sukan MPSJ Bandar Bukit Puchong 2015 akan diadakan pada:

Tarikh : 08 Ogos 2015 (Sabtu)
Masa : 8.30 pagi – 6.00 petang
**Lokasi : Padang Bola Sepak MPSJ,
Bandar Bukit Puchong**

Diantara aktiviti dan acara sukan yang akan diadakan sempena Karnival Sukan MPSJ Bandar Bukit Puchong 2015 adalah seperti berikut:

- i. Futsal Padang Terbuka
- ii. 'Soccer Kids' Bawah 12 Tahun
- iii. Tarik Tali
 - Lelaki Terbuka
 - Terbuka Wanita
- iv. Pertandingan Mewarna
- v. Pertandingan Karaoke
- vi. Karom Terbuka
- vii. Congkak
- viii. Dam Aji
- ix. Menyumpit
- x. Sukan Rakyat

Penyertaan:

- i. Yuran penyertaan bagi Futsal Padang Terbuka RM 30.00 sepasukan. Terhad kepada 12 pasukan.

- ii. Yuran penyertaan bagi 'Soccer Kids' adalah RM 20.00 sepasukan. Terhad kepada 16 pasukan.
- iii. Yuran penyertaan bagi Pertandingan Karaoke adalah RM 10.00 bagi setiap peserta. Terhad kepada 40 orang peserta.

Kejohanan ini terbuka kepada semua pasukan dan belia-belia di sekitar kawasan Puchong dan seluruh kawasan pentadbiran MPSJ.

2.3 KEJOHANAN SEPAK TAKRAW TERBUKA DAN VETERAN MPSJ 2015

Kejohanan Sepak Takraw MPSJ 2015 ini merupakan acara tahunan yang diadakan secara konsisten pada setiap tahun sejak tahun 2000 dan adalah menjadi hasrat dan harapan MPSJ untuk memastikan ia dapat dilaksanakan dengan jayanya demi pembangunan sukan sepak takraw di kawasan pentadbiran MPSJ.

Penganjuran kejohanan sukan seperti ini boleh membantu masyarakat terutamanya golongan remaja, belia dan veteran memanfaatkan waktu lapang dengan aktiviti gaya hidup sihat menerusi aktiviti sukan dan riadah. Program ini akan diadakan pada:

Tarikh : **15 Ogos 2015 (Sabtu)**
Masa : **9.00 pagi – 9.00 malam**
Lokasi : **Stadium Tertutup MPSJ,
Serdang Jaya**

Penyertaan:

Sasaran penyertaan adalah sebanyak 40 pasukan bagi kategori terbuka dan 24 pasukan bagi kategori veteran manakala yuran penyertaan yang dikenakan adalah RM100.00 sepasukan bagi kategori Terbuka dan RM70.00 sepasukan bagi kategori Veteran.

2.4 MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA PERSIDANGAN DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS TAHUN 2015

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Persidangan Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas Tahun 2015 akan bersidang pada;

**Tarikh : 17 Ogos – 21 Ogos 2015
Dan
24 Ogos – 28 Ogos 2015**

**Tempat : Bangunan Dewan Negeri Selangor,
Shah Alam**

2.5 PROGRAM BUDAYA SMART SOLAT

Program 'Smart Solat' 2015 ini merupakan program madani yang memberi peluang kepada golongan remaja dan belia untuk melibatkan diri dalam aktiviti dan kegiatan yang lebih sihat dan bermanfaat. Selain itu, program ini diadakan bagi memberikan pendidikan khusus dan praktikal mengenai ibadah solat yang sempurna kepada golongan remaja dan belia. Program Budaya Smart Solat ini akan diadakan pada:

**Tarikh : 21 – 23 Ogos 2015 (Jumaat - Ahad)
Lokasi : Kem Singgah Santai,
Hulu Langat, Selangor**

Yuran Penyertaan:

Yuran penyertaan yang dikenakan adalah sebanyak RM100.00 seorang dan sasaran penyertaan adalah seramai 60 orang.

**2.6 KARNIVAL SUKAN EKSTRIM BELIA MPSJ 2015
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN GELANGGANG
BERBUMBUNG DAN PADANG BOLASEPAK DI LAMAN
SUKAN USJ 1, SUBANG JAYA**

Sukacita dimaklumkan bahawa, MPSJ telah menaiktaraf beberapa buah padang awam kepada Laman Sukan yang mempunyai beberapa buah gelanggang sukan seperti padang bolasepak, gelanggang futsal, gelanggang sepak takraw, gelanggang papan luncur dan yang terbaru gelanggang sukan berbumbung.

Empat (4) lokasi Laman Sukan MPSJ adalah seperti berikut:

- i. Laman Sukan USJ 1, Subang Jaya
- ii. Laman Sukan USJ 14, Subang Jaya
- iii. Laman Sukan Putra Heights
- iv. Laman Sukan Sungai Besi Indah, Seri Kembangan

Sehubungan itu, bersempena dengan Majlis Perasmian Gelanggang Berbumbung Dan Padang Bolasepak Di Laman Sukan MPSJ USJ 1, MPSJ akan menganjurkan Program Sukan Ekstrim Belia MPSJ 2015 bertujuan untuk memperkenalkan dan mempromosikan Laman Sukan MPSJ USJ 1 kepada masyarakat setempat khususnya penduduk Subang Jaya.

Program Sukan Ekstrim Belia MPSJ 2015 akan diadakan pada:

Tarikh : 23 Ogos 2015 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 9.00 malam
Lokasi : Laman Sukan USJ 1, Subang Jaya
Tetamu VVIP : YB. Hannah Yeoh Tseow Suan
ADUN Subang Jaya

Diantara program dan aktiviti yang akan diadakan sempena Program Sukan Ekstrim Belia MPSJ 2015 ini ialah:

- i. Pertandingan Bola Keranjang '3 on 3'
- Terbuka Lelaki & Terbuka Wanita
- ii. Pertandingan Bolasepak 7 Sebelah

- iii. Pertandingan 'Pocket Bike'
 - Kategori New Beginner (Bawah 9 Tahun)
 - Rokie (Bawah 10 Tahun)
 - Novies (Bawah 12 Tahun)
 - Expert (Bawah 17 Tahun)
 - Open Master (Atas 18 Tahun)
- iv. Pertandingan Papan Luncur (Skate Board)
- v. Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak

2.7 LAPORAN DEMAM DENGGI

Bilangan kes denggi dilaporkan tahun ini sehingga **Minggu Epid 29** (iaitu sehingga **25 Julai 2015**) adalah sebanyak **6871 kes denggi** telah dilaporkan di kawasan MPSJ.

Sehubungan itu, dalam memerangi kes denggi ini adalah menjadi harapan pihak Majlis agar penduduk perlu memastikan kawasan premis masing-masing bebas dari tempat-tempat pembiakan aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes.

Kerjasama masyarakat dengan melaksanakan **Kempen 10 Minit** dan gotong royong adalah amat diperlukan untuk memastikan kes denggi dapat dikurangkan.

2.8 PENJELASAN DASAR KEBERSIHAN LONGKANG AWAM DALAM KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Mulai tahun 2016, semua premis makanan di dalam kawasan MPSJ **diWAJIBkan** untuk memasang perangkap gris/minyak pada sinki tempat mencuci di premis.

Pihak Majlis akan membuat pengesahan terhadap pemasangan ini sebelum meluluskan pembaharuan lesen perniagaan tahun 2016.

Majlis juga akan membuat pemantauan di tapak dari semasa ke semasa untuk memastikan keperluan ini dipatuhi. Kegagalan mematuhi syarat ini akan menyebabkan premis boleh diambil tindakan dibawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan MPSJ 2007.

Effluen tercemar dari saluran paip ke longkang di hadapan dan belakang premis boleh menyebabkan premis diambil tindakan dibawah Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah-Sarap MPSJ 2007 atau Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 atau Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan MPSJ 2007.

3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 06/2015 BERTARIKH 26 JUN 2015.

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 06/2015 bertarikh 26 Jun 2015 telah disahkan tanpa pindaan.

4.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

4.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 13/2015 Bertarikh 01 Julai 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

4.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 14/2015 Bertarikh 13 Julai 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 5.13 m.s 33	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Marimo Land Sdn. Bhd.	Beliau memohon pihak Majlis mengkaji semula syarat-syarat kelulusan Kebenaran

				<p>Merancang yang telah diluluskan ke atas Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pembangunan Perdagangan Yang Mengandungi 2 Menara Pangsapuri Servis 31 Tingkat (718 Unit) Di Atas Lot 1284 Hakmilik GM 328 Dan Lot 1285 Hakmilik GM 139, Jalan Pipit 1, Bukit Tandang, Puchong, Mukim Petaling, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan oleh syarikat pemaju Marimo Land Sdn. Bhd.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak Majlis akan memperhalusi isu-isu berbangkit mengenai perkara ini dan perkara ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) yang akan datang.</p>
2	para 9.2 m.s 57	Encik Pooi Weng Keong	Kertas Cadangan Kelulusan Menggunapakai Pelan Terbina "As Built Drawing" Untuk Perakuan	Beliau memohon dimasukkan tambahan minit pada para (c) di bahagian Fee Cadangan yang tidak dicatatkan di dalam Minit Mesyuarat

			<p>Sebagai Pematuhan Siap Pembinaan Di Bawah Sistem CCC Majlis Perbandaran Subang Jaya</p>	<p>Jawatankuasa OSC MPSJ Bil. 14 Tahun 2015.</p> <p><u>Tambahan Minit:</u></p> <p>(c).</p> <p>“Tiada kompaun dikenakan ke atas pemohon / pemilik premis”.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato’ Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta Jabatan OSC untuk membuat pindaan kepada Minit Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 14 Tahun 2015 berkenaan perkara ini.</p> <p>Sehubungan itu, Dato’ Yang Dipertua meminta Jabatan Bangunan untuk mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini.</p>
--	--	--	--	---

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

4.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 07/2015 Bertarikh 06 Julai 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 3.4 m.s 5	Encik Mohan Singh a/ Surtar Singh	Garis Panduan Perlindungan Insurans Serta Undang-Undang Berkaitan Kepada Ahli Jawatankuasa JKP MPSJ	Beliau memohon maklumbalas berhubung status terkini mengenai perkara ini. <u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak Majlis akan memperhalusi isu-isu berbangkit mengenai perkara ini dan perkara ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan yang akan datang.
2	para 6.5.1 m.s 13	Encik Jaber bin Ami	Kerja-Kerja Pembaikan Kanvas Bumbung Di Taman Permainan Seksyen 2, Putra Heights	Beliau memohon supaya pihak Majlis dapat menyiapkan segera kerja-kerja pembaikan bagi kanvas bumbung di Taman Permainan Seksyen 2, Putra Heights. <u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan

				cadangan ini dan meminta Jabatan Kejuruteraan mengambil tindakan segera berhubung perkara ini dan seterusnya meminta supaya kerja-kerja pembaikan kanvas bumbung tersebut disiapkan sebelum hari program berlangsung.
--	--	--	--	---

Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

4.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 07/2015 Bertarikh 07 Julai 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

4.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 07/2015 Bertarikh 07 Julai 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 4.3 m.s 11	Encik Yap Kok Weng	Status Projek Penyambungan Jalan Dari Bukit Tandang Ke PJS	Beliau memohon maklumbalas berhubung status terkini mengenai Projek Penyambungan Jalan Dari Bukit Tandang Ke PJS, Bandar Sunway. <u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak Majlis akan memperhalusi isu-isu berbangkit mengenai perkara ini dan perkara ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur yang akan datang.

Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

4.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 07/2015 Bertarikh 09 Julai 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 5.12 m.s 25	Encik Pooi Weng Keong	Kertas Laporan Kajian Penggunaan Kupon Letak Kereta Di Majlis Perbandaran Subang Jaya	<p>Beliau memohon maklumbalas daripada pihak Majlis mengenai keputusan yang dipersetujui oleh pihak Majlis berhubung perkara ini.</p> <p><u>Keputusan:</u></p> <p>Setelah meneliti dan berbincang, Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 07 Tahun 2015 telah bersetuju dengan keputusan seperti pada ketetapan berikut:</p> <p>i. Semua petak parkir yang telah diwartakan dikawasan komersial akan menggunakan kaedah pembayaran menerusi mesin P & D. Walau bagaimanapun, kupon boleh digunakan disemua kawasan petak parkir yang telah diwartakan oleh pihak Majlis tertakluk kepada</p>

				<p>penyediaan mesin P & D di kawasan tersebut.</p> <p>ii. Pihak Majlis akan mengkaji semula keputusan dan kedudukan terkini untuk mengenakan bayaran parkir tempat letak kenderaan di kawasan industri bagi kawasan yang telah diwartakan oleh pihak Majlis.</p> <p>iii. Keputusan muktamad berhubung perkara ini akan diputuskan oleh pihak Majlis setelah perbincangan selanjutnya diadakan di bawah Jawatankuasa Khas Penswastan Konsesi Letak Kereta Di Majlis Perbandaran Subang Jaya.</p> <p>iv. Mesyuarat turut bersetuju untuk menambah dua (2) keahlian di dalam Jawatankuasa Khas Penswastan Konsesi Letak Kereta Di Majlis Perbandaran Subang Jaya iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh2. Dr. Mahendran a/l V Markandoo
--	--	--	--	---

				Sehubungan itu, Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Perbendaharaan untuk mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini.
--	--	--	--	--

Tindakan : Jabatan Perbendaharaan

4.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 07/2015 Bertarikh 10 Julai 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 3.1 m.s 5	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Pusat Mencuci Kereta Tanpa Lesen	Beliau memohon maklumbalas daripada pihak Majlis berkenaan cadangan yang diusulkan di dalam Mesyuarat Pre-Council Ahli Majlis yang telah diadakan pada 28 Julai 2015 yang telah mencadangkan supaya pihak Majlis menubuhkan satu Jawatankuasa Kecil bagi membincangkan mengenai isu-isu berbangkit mengenai kedudukan Pusat Mencuci Kereta, Premis Besi Buruk dan Penjaja Tanpa Lesen di kawasan

				<p>Majlis Perbandaran Subang Jaya.</p> <p><u>Keputusan:</u></p> <p>Setelah meneliti dan berbincang, Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 07 Tahun 2015 telah bersetuju dengan cadangan penubuhan Jawatankuasa Kecil Pusat Mencuci Kereta, Premis Besi Buruk Dan Penjaja Tanpa Lesen dengan keahlian seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">i. Encik Mohan Singh a/l Surtar Singhii. Dr. Mahendran a/l V Markandooiii. Puan Kavitha a/p Chandragesaniv. Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamyv. Encik Chong Hoon Mingvi. Encik Yap Kok Weng <p>Sehubungan itu, Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Pelesenan untuk mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini.</p>
--	--	--	--	--

Tindakan : Jabatan Pelesenan

**5.0 KERTAS MESYUARAT CADANGAN PINDAAN KEAHLIAN AHLI MAJLIS DALAM MESYUARAT JAWATANKUASA DAN PENYUSUNAN AHLI MAJLIS SEBAGAI Pengerusi JAWATANKUASA PENDUDUK (JKP) MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BAGI PENGGAL 2014 – 2015
(Kertas Mesyuarat Bil. 06/07/2015)**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat **bersetuju menerima dan meluluskan** Kertas Mesyuarat Cadangan Pindaan Keahlian Ahli Majlis Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Dan Penyusunan Ahli Majlis Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penduduk (JKP) Majlis Perbandaran Subang Jaya Bagi Penggal 2014 – 2015.

Senarai Keahlian Ahli Majlis Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Majlis Perbandaran Subang Jaya bagi penggal 2014 – 2015 adalah seperti di lampiran 1.

Senarai Penyusunan Ahli Majlis Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penduduk (JKP) Majlis Perbandaran Subang Jaya bagi penggal 2014 – 2015 adalah seperti di lampiran 2.

Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan

6.0 UCAPAN PENANGGUHAN

6.1 YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis di atas kerjasama sepanjang mesyuarat dijalankan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.45 pagi.

'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'

Disediakan oleh;

.....
(ABDULLAH BIN MARJUNID), S.I.S., A.M.S.
Setiausaha Perbandaran
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(DATO' NOR HISHAM BIN AHMAD DAHLAN), D.P.M.S., S.M.S.
Pengerusi Mesyuarat
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA